

Pengunjung sukar lupa

FAKTA
Bertempat
di Taman Air
Bukit
Gambang

metro (sekitar) ms/15 24/01/10

Seramai 20,000 menyertai Karnival Gempak Santai HM @ TABG



>>Oleh ZAITIE SATIBI
am@hmetro.com.my

KUANTAN: Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain. Mungkin itulah gambaran kenangan manis yang terpahat di ingatan lebih 20,000 pengunjung Gempak Santai Harian Metro (HM) @ Taman Air Bukit Gambang (TABG), di sini, semalam.

Pengarah Jualan dan Pemasaran Bukit Gambang Resort City (BGRC), Rita Abdul Rahim, berkata pihaknya berpuas hati dengan sambutan luar biasa pembaca akhbar ini yang mula membanjiri taman air dan tapak karnival seawal jam 8 pagi dengan membawa bersama anggota keluarga dan rakan.

Menurutnya, pengunjung seronok untuk berkelah dan mandi di taman air sebelum ke tapak karnival yang menyediakan pelbagai acara menarik bermula jam 10 pagi hingga 7 malam.

Antara aktiviti itu ialah



PUAS HATI... sebahagian pengunjung meninjau gerai Harian Metro pada Karnival Gempak Santai @ Taman Air Bukit Gambang, semalam.

pertandingan mewarna kanak-kanak, pencarian bakat Metro Idol, pertunjukan fesyen busana Muslimah dan tarian kebudayaan dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) serta Tarian Pelanduk dari kanak-kanak Orang Asli.

Turut diadakan pertunjukan ular dan haiwan eksotik, kereta audio besar, pantomin dan gerai jualan aksesori wanita, pakaian dan kasut.

"Kami gembira dengan sambutan ini, malah tidak menyangka akan menerima kunjungan hebat berikutan karnival itu pertama kali diadakan bukan saja di TABG, tetapi di

Pantai Timur.

"Sebagai acara kemuncak, konsert artis selama dua jam bermula jam 5 menjadi tumpuan apabila pengunjung dihiburkan dengan persembahan nyanjian dijayakan kumpulan Hujan, Ditchi Mitchi, Dayang Nurfaizah, Dafi, Aril dan Isma," katanya.

Turut hadir, Pengarang Kumpulan HM/MA, Mustapa Omar; Timbalannya, Abdul Ghafar Ismail; Pengarang Eksekutif (Pengeluaran), Ahmad Salim Bachok, Pengarang Eksekutif (Rencana), Johari Mohamad dan Ketua Pengarang Berita HM, Othman Mamat.

Rita berkata, bagi acara dalam taman air pula pengunjung lebih tertarik dengan gelung air paling tinggi sepanjang 100 meter dengan enam lorong dikenali Tin Mine Racer, selain tarikan di Penguin Island.

Beliau berkata, pihaknya berharap kerjasama julung kali dengan akhbar ini akan diteruskan dan karnival berkenaan menjadi acara tahunan kerana mampu menarik kunjungan orang ramai ke pusat rekreasi air bertema hutan semula jadi bukan saja penduduk tempatan, malah dari luar Pahang.